



JANUARI-JUN 2024 EDISI 1

Buletin Penggaram

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT مجلس فريندارن باتوفاهت

SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN **CUKAI HARTA?**

BAYAR PADA ATAU SEBELUM

- Penggal 1 : 28 Februari setiap tahun
- Penggal 2 : 31 Ogos setiap tahun

- NOTIS DENDA
- HARTA DISITA
- TINDAKAN UNDANG-UNDANG

Sekiranya Masih Belum Menerima Bil, Cetak Dan Bayar Bil Tuntutan Cukai Harta Anda Di :

- **KAUNTER BAYARAN**
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Aras 2, Menara MPBP
- **JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA**
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Menara MPBP



PEMBAYARAN CUKAI HARTA **JomPAY**



Biller Code : 75648
Ref-1 : No. Akaun Cukai Harta
Ref-2 : No. Telefon

LANGKAH 1

PAY TRANSFER RELOAD

Pay From: Savings Account-i

Pay To: JomPAY Masukkan **Biller Code : 75648** dan **Press Enter**

75648 Press Enter

My Favorites: + Add New Favorites

LANGKAH 2

Pay To JomPAY (75648)

Ref-1:

Ref-2:

Pay Amount:

Effective Date: 14 March, 2024


Set Recurring

I hereby agree to the [Terms and Conditions](#)

PAY

- Masukkan **Ref-1**: <No. Akaun Cukai Harta> cth A10010311
- Masukkan **Ref-2**: <No. Telefon> cth 0123456789
- Masukkan Jumlah Bayaran (**Pay Amount**)
- Pilih Bayar (**Pay**)

A10010311



MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mpbp.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999



Menara MPBP, Jalan Rugayah
83000 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim
Email : info@mpbp.gov.my | Website : www.mpbp.gov.my
Talian Hotline : 1300-88-6727 | Fax : 07-439 6999



BANDAR PENGGARAM BANDAR RENDAH KARBON 2030

Isi Kandungan

- 03 • PROGRAM KORBAN KELOMPOK
• MESYUARAT JAWATANKUASA BELANJAWAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2024 MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
- 04 • PROGRAM KEBERSIHAN PERSEKITARAN
• EXIT CONFERENCE PENGAUDITAN PENGURUSAN PROGRAM BANDAR SELAMAT MPBP TAHUN 2023
- 05 • KONVOI 'ROAD TO' KEMBARA MAHKOTA JOHOR 2023
- 06 • KEMBARA MAHKOTA JOHOR DAERAH BATU PAHAT 2023
- 07 • MALAM SEMARAK PATRIOTIK DAERAH BATU PAHAT
- 08 • SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2023
- 09 • MESYUARAT PENUTUP PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
• HARI KOMUNITI RENGIT DAN SENGGARANG
- 10 • SEMINAR PENGURUSAN BANGUNAN BERSTRATA TAHUN 2023
• SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1445H / 2023M DAERAH BATU PAHAT
- 11 • PROGRAM 'GREEN BP' SEMPENA HARI ALAM SEKITAR
- 12 & 13 • MAJLIS MALAM JASAMU DIKENANG DAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022
- 14 • PROGRAM GERAK MESRA MEGA AHLI MAJLIS MPBP TAHUN 2023
- 15 • INTEGRITI DAN TEKAD PENJAWAT AWAM
• ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULANAN
- 16 & 17 • LENSEA MPBP
- 18 • HARI BEBAS KARBON
• "PENGARANG NEON NIGHT WALK"
- 19 • MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) PERSISIRAN SUNGAI BATU PAHAT, JOHOR DAN PELANCARAN PELAN INDUK LANDSKAP MPBP 2023-2033
- 20 • SEJENAK DI BILIK YDP
• HARI KOMUNITI PARIT RAJA
- 21 • APRESIASI PEMBEKAL DATA PUSAT MAKLUMAT HARTA TANAH NEGERA (NAPIC) NEGERI JOHOR TAHUN 2023
• ANUGERAH PENARAFAN BANDAR PINTAR MALAYSIA 2023
• ANUGERAH BANDAR MAMPAN NEGERI JOHOR 2023
• ANUGERAH EMERALD AWARD
- 22 & 23 • PERHIMPUNAN BULANAN
- 24 & 25 • LAWATAN DAN KURSUS
- 26 & 27 • PROGRAM BERBASIKAL JELAJAH BATU PAHAT 2023
- 28 & 29 • GERAK MESRA AHLI MAJLIS MPBP
- 30 • YAYASAN MAKMUR BATU PAHAT
- 31 • SUKAN
- 32 • PEMBAYARAN CUKAI HARTA

Sidang Redaksi

PENAUNG
En. Hj. Ezahar bin Abu Sairin
(Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat)

PENASIHAT
Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar
(Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat)

KETUA EDITOR
En. Muhamad Zulkarnain Bin Alias
(Ketua Unit Perhubungan Awam Dan Korporat)

SIDANG PENGARANG
En. Saharudin Bin Mohd Taib
En. Saiful Rizal Bin Ateman
Cik Siti Nurul Azlin Binti Ropie

REKA GRAFIK
Unit Perhubungan Awam Dan Korporat

FOTOGRAFI
En. Saharudin Bin Mohd Taib
En. Saiful Rizal Bin Ateman
Cik Siti Nurul Azlin Binti Ropie

Sidang Redaksi Buletin Penggaram amat mengalu-alukan sumbangan idea dan penulisan daripada warga kerja dan orang awam dalam idea penerbitan Buletin Penggaram. Sebarang idea boleh dikemukakan ke :

UNIT PERHUBUNGAN AWAM DAN KORPORAT,
MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
TEL : 07-439 6826 / 07-439 6828



Lawatan Kerja Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor

14 Januari 2024 • Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukur Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Batu Pahat. Turut hadir sama Yang Berhormat Dato' Haji Zulkarnain bin Haji Kamisan ADUN Sri Medan, Yang Berhormat Encik Mohd Yusla bin Ismail ADUN Senggarang, Yang Berhormat Nor Rashidah binti Haji Ramli ADUN Parit Raja, Yang Berhormat Gan Peck Cheng ADUN Penggaram serta Yang Berbahagia Dato Ali Shikh Ketua Whip MPBP.

Lawatan kerja kali ini adalah khusus untuk memantau sendiri secara agresif semua isu yang melibatkan bidang MPBP dan Perumahan di kawasan Batu Pahat. Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat telah menyampaikan taklimat berkaitan MPBP serta isu-isu kritikal MPBP yang memerlukan perhatian khusus dan perbincangan terperinci bersama Kerajaan Negeri.



Sesi Libat Urus BPA Negeri Johor Bersama MPBP

14 Februari 2024 • Sesi Libat Urus (SLU) Biro Pengaduan Awam (BPA) Negeri Johor bersama Majlis Perbandaran Batu Pahat ini bertujuan untuk membincangkan penyelesaian bagi aduan tertunggak. SLU ini dihadiri oleh pegawai BPANJ, Penyelia dan Penyiasat MPBP. Melalui SLU ini, aduan yang dibincangkan dapat diselesaikan. Sesi libat urus ini dipengerusikan oleh Encik Muhammad Zulkarnain bin Alias, Ketua Unit Perhubungan Awam Dan Korporat MPBP.



Gotong Royong Perdana Dan Majlis Pelancaran Southern Volunteers JPKK Peringkat Negeri Johor

24 Februari 2024 • Program gotong royong perdana dan pelancaran Southern Volunteers JPKK peringkat Negeri Johor telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz bin Ghazi Menteri Besar Johor. Turut hadir sama adalah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Pegawai-pegawai Daerah, Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat dan Southern Volunteers Batu Pahat. Program yang dijalankan adalah pembersihan parit di sekitar kawasan Parit Kuari. Adalah menjadi hasrat YAB Menteri Besar Johor supaya setiap lapisan masyarakat dapat meluangkan masa menjalankan aktiviti gotong royong bersama di dalam menjayakan agenda Johor Bersih.





Operasi Bersepadu Ke Atas PATI / Premis Perniagaan Warga Asing

25 Februari 2024 • Operasi Bersepadu ke atas PATI/Premis Perniagaan Warga Asing yang melibatkan Majlis Perbandaran Batu Pahat agensi, Polis Diraja Malaysia IPD Batu Pahat dan lain-lain agensi penguatkuasaan telah diadakan bertempat di Kg. Parit Haji Khamis dan Batu 6 Jalan SJK@ Panchor, Jalan Kluang Batu Pahat. Operasi yang dijalankan ini melibatkan kekuatan seramai 35 pegawai dan anggota yang terdiri daripada agensi penguatkuasa PDRM, Jabatan Pelesenan dan Perancangan Pembangunan MPBP, Jabatan Imigresen Daerah Batu Pahat dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup Daerah Batu Pahat telah membuat pemeriksaan menyeluruh di 21 buah premis yang dikenal pasti. Tindakan yang diambil Kompaun sebanyak (22), tindakan Sita Lesen Perniagaan (4), Sita Barang Perniagaan (1) dan tangkapan seramai 5 Pendatang Asing Tanpa Ijin (PATI) oleh Imigresen atas kesalahan Salah Guna Permit Bekerja.



Anugerah Esri Geoinnovation Award

29 Februari 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat telah memenangi Anugerah Esri Geoinnovation Award 2023 bagi pembangunan Portal SmartGIS MPBP bersempena dengan Majlis Geoinnovation Award anjuran Esri Malaysia bertempat di Aloft KL Sentral Hotel, Kuala Lumpur. Anugerah disampaikan oleh Mr. Tan Choon Sang (CS Tan), Chief Executive Officer Esri Malaysia kepada Tuan Ezahar bin Abu Sairin, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Anugerah ini mengiktiraf organisasi paling progresif di Malaysia dalam aspek pembangunan Sistem Maklumat Geografi (GIS) khususnya pengguna Esri di Malaysia. Bersempena dengan itu juga, Majlis Perbandaran Batu Pahat diberi penghormatan membentangkan pelaksanaan transformasi GIS di MPBP bertajuk "Empowering Smart Cities Through SmartGIS MPBP" yang disampaikan oleh Gs. Norhiysam b Mohamad @ Samad. Majlis Perbandaran Batu Pahat komited meneruskan agenda Transformasi GIS yang telah dirangka bermula tahun 2020 menjelang tahun 2025 dengan pembangunan data GIS yang lebih efektif bagi meningkatkan keupayaan capaian masyarakat terhadap informasi geospasial di portal data terbuka yang telah dibangunkan. Ianya selaras dengan inisiatif ke arah menjadikan Batu Pahat sebagai sebuah bandar pintar yang menggalakkan penggunaan GIS di dalam perkhidmatan penyampaian awam.





MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
APC23
MAJLIS MAKAN MALAM &
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023
SELASA | 5 MAC 2024 | DEWAN JUBLI INTAN SUITAN IBRAHIM



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPBP

05 Mac 2024 • Majlis Makan Malam dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPBP bagi Tahun 2023 telah diadakan di Dewan Jubli Intan Batu Pahat dengan bertemakan "Denim & glam". Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk meraikan 28 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2023 dan meraikan 7 orang pesara serta 3 orang pegawai yang telah berpindah. Majlis turut menjemput waris pegawai yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan sebagai tanda penghargaan untuk mengenang sumbangan dan jasa bakti yang telah diberikan sepanjang berkhidmat di MPBP.



OPS Sita

14 Mac 2024 • Rentetan daripada aduan yang diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat, dengan kekuatan anggota seramai (16 orang) telah melaksanakan tindakan menyita gerai tolak dan gerai statik di kawasan Pekan Parit Raja yg tidak mempunyai lesen penjaja daripada pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat. Barang sitaan dibawa ke depoh simpanan barang Majlis Perbandaran Batu Pahat untuk tindakan lanjut.

Pemantauan akan terus dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan dari semasa ke semasa. Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak melakukan kesalahan seperti ini bagi mengelakkan tindakan yang sama di kenakan.



Majlis Berbuka Puasa DYAM Tunku Mahkota Ismail Ibni Sultran Ibrahim Pemangku Sultan Johor Di Daerah Batu Pahat

15 Mac 2024 • Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Ismail, Pemangku Sultan Johor berangkat ke majlis berbuka puasa dan solat maghrib bersama rakyat di Masjid Taman Sri Sulong, Parit Sulong, Batu Pahat. Turut mengiringi keberangkatan Baginda adalah YAB Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor dan YB Tan Sri Dato' Dr Hj Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor.





Program Bubur Lambuk Peringkat Daerah Batu Pahat Tahun 2024

28 Mac 2024 • Program telah bermula seawal 8.00 pagi dengan penglibatan dari Pejabat Daerah Batu Pahat, Pejabat Tanah Batu Pahat, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Daerah Yong Peng, Puspanita Daerah Batu Pahat, Southern Volunteers Batu Pahat, Bank Rakyat Batu Pahat, Safwa Global Venture, ANUALE Cawangan Johor Barat dan Kelab Bunga Tanjung MPBP. Program tersebut telah dirasmikan oleh YBhg Tuan Haji Zainor bin Adani Pegawai Daerah Batu Pahat. Turut hadir sama Encik Sharifulizan bin Sharifuddin @ Hamzah Pentadbir Tanah Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat, Tuan Haji Nur Faiz bin Jamil Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng serta ketua-ketua jabatan daerah Batu Pahat. Sebanyak 8 periuk bubur lambuk telah disediakan dengan secara 'rewang' dan bergotong-royong.

Cabaran Turun Berat Badan

31 Mac 2024 • Program Cabaran Penurunan Berat Badan 2.0 ini sedang berlangsung daripada 1 Mac sehingga 31 Mei 2024. Pengisian Program Cabaran Penurunan Berat Badan 2.0 antaranya ceramah berkenaan pengurusan berat badan semasa bulan ramadan. Objektif utama program ini adalah membudayakan gaya hidup sihat dalam kehidupan harian. Amalan gaya hidup sihat bermula dengan pemakanan yang seimbang. Selain daripada pemakanan, aktiviti fizikal adalah sebahagian penting daripada amalan gaya hidup sihat. Jutaan terima kasih kepada penceramah khas, Dr Md Sabtuah bin Mohd Royali Pegawai Pendidikan Kesihatan daripada Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat.



Majlis Pelantikan Dan Angkat Sumpah Ahli Majlis Majlis Perbandaran Batu Pahat Sesi 2024/2025

7 April 2024 • Majlis Pelantikan dan Majlis Angkat Sumpah Ketua Whip serta Ahli Majlis MPBP yang baharu bagi sesi 2024/2025 telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Delima, Tingkat 14, Menara MPBP, di hadapan YBhg. Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Diharapkan dengan pelantikan individu-individu ini sebagai Ahli Majlis MPBP akan dapat menjalinkan hubungan antara PBT bersama komuniti setempat dan menjadikan komunikasi yang berkesan disetiap zon-zon kawasan selian Ahli Majlis masing-masing dalam Kawasan MPBP. MPBP telah menerima pelantikan baharu Ahli Majlis seramai 24 orang. Turut hadir menyaksikan Majlis Angkat Sumpah ini ialah Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar, Setiausaha Majlis Perbandaran Batu Pahat.



MPBP Ke InnoEX 2024 Di Hong Kong Convention & Exhibition Center

13-15 April 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat diwakili oleh Gs. Norhiysam B Mohamad, Pegawai Perancang Bandar telah menyertai Delegasi Malaysia ke Persidangan InnoEX bertempat di Hong Kong Convention & Exhibition Centre, Hong Kong. Program ini merupakan salah satu platform persidangan berkaitan Bandar Pintar (Smart City) serta sesi perkongsian daripada Negara ASEAN yang telah dan sedang melaksanakan Inisiatif Bandar Pintar. Delegasi telah diketuai oleh Ketua Pengarah PLANMAYSIA YBhg Datuk TPr Dr Alias b Rameli.

Wakil MPBP juga telah menyertai Sesi _ASEAN Smart City Development Roundtable : Government -to-Business (G2B) Dialogue yang melibatkan Negara Indonesia, Laos, Filipina, Thailand dan Hong Kong. Program ini merupakan platform terbaik Majlis Perbandaran Batu Pahat untuk meningkatkan kerjasama dan potensi peluang berkaitan Inisiatif Bandar Pintar Di Batu Pahat khususnya kerjasama antarabangsa selaras dengan sasaran ke arah Penarafan Tahap 2 - Developing Smart City pada Tahun 2024-2025.



Pekerja Contoh Bulanan

JULAI



HIRMAN BIN PADIMIN

*Pembantu Penguatkuasa
(Letak Kereta) KP19*

Jabatan Kewangan

OGOS



SHA'ABAN BIN ABDULLAH

Pembantu Penguatkuasa KP22

Jabatan Penguatkuasaan

SEPTEMBER



**MOHD NORMAN BIN HOSRIN
(KOSRIN)**

Penolong Jurutera JA36 (TBK)

Jabatan OSC

OKTOBER



ANI BINTI SARAM

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N26 (TBK)

Jabatan Pelesenan

NOVEMBER



JAMALUDIN BIN IBRAHIM

Pembantu Awam H14

Jabatan Kejuruteraan Dan Landskap

DISEMBER



**NOR HAFIZAH BINTI ABD
HAMID**

Pembantu Tadbir (P/O) N19

Unit Audit Dalam

Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan Kerajaan Daerah Batu Pahat

25 April 2024 • Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan kerajaan Daerah Batu Pahat bersama YB Tuan Haji Mohd Fared Bin Mohd Khalid, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor, Turut mengiringi Beliau Tuan Haji Zainor bin Adani, Pegawai Daerah Batu Pahat.



Majlis Apresiasi Ahli Majlis

29 April 2024 • Majlis Apresiasi Ahli Majlis bagi meraikan 9 orang Ahli Majlis Perbandaran Batu Pahat Sesi 2022/2023 yang tamat tempoh pada 31 Mac 2024.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Turut hadir sama Encik Zaidi bin Japar Ketua Whip Ahli Majlis MPBP, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPBP. Ribuan terima kasih diucapkan dan selamat maju jaya buat mantan-mantan Ahli Majlis MPBP.



Sambutan Hari Raya

6 Mei 2024 • Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat diadakan di Aras 4, Menara MPBP. Majlis dimulakan dengan Marhaban oleh wargakerja MPBP dan dimeriahkan lagi dengan jamuan hari raya yang berkonsepkan 'Potluck' dari semua Jabatan dan Unit dalaman MPBP.



Kelestarian Usahawan Digital TM Dengan Kerjasama MPBP

21 Mei 2024 • Program Kelas Digital ini merupakan tanda komitmen MPBP dan TM dalam mendukung aspirasi Kerajaan Negeri Johor dalam melahirkan usahawan baru dan memperkembangkan lagi kemahiran terutamanya kepada Usahawan sasaran yang terdiri dari golongan Ibu Tunggal, B40, OKU khususnya di Daerah Batu Pahat. Program ini akan dilaksanakan secara berterusan agar Warga Batu Pahat berpeluang untuk menyertai sesi latihan yang berkaitan secara PERCUMA.



“River BP Healing”

25 Mei 2024 • ‘River BP Healing’ merupakan salah satu komponen di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) iaitu Matlamat 11 (Sustainable Cities & Communities) – “Menjadikan petempatan inklusif, selamat dan mampan”. Program Santai Di Pinggiran Sungai Batu Pahat @ “River BP Healing” ini juga menyediakan pelbagai acara dan persembahan antaranya persembahan dari Pertamadari (Joydec) iaitu tarian Masyarakat Bugis, Johor dan Zapin. Senam santai, persembahan busking dan Jualan makanan daripada pelbagai vendor turut disediakan kepada pengunjung-pengunjung .



Tuai Santai Kebun Komuniti

26 Mei 2024 • Majlis Perbandaran Batu Pahat telah mengadakan Program Tuai Santai Kebun Komuniti MPBP bertempat di Aras 4 (Rooftop) Menara MPBP. Program penanaman Kebun Komuniti MPBP ini merupakan salah satu projek di bawah Inisiatif Kejiranan Hijau MPBP memberi fokus kepada penanaman pokok Terung dan Cili sebanyak 1,000 polybag. Sehingga kini MPBP telah bekerjasama membangunkan 2 Kebun Komuniti di Taman Sri Penggaram dan Taman Banang Jaya dengan kerjasama penduduk. Program Kebun Komuniti merupakan salah satu komponen di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) iaitu Matlamat 2 (Zero Hunger) - "Menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan." dan Matlamat 11 (Sustainable Cities & Communities) - "Menjadikan petempatan inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan."



Pelancaran Insentif Khemah Usahawan Mikro

29 Mei 2024 • Majlis Pelancaran Insentif Khemah Kepada Usahawan Mikro Daerah Batu Pahat telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ismail, Batu Pahat. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sri Medan selaku wakil rasmi Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor. Majlis penyerahan khemah percuma kepada usahawan mikro yang terpilih di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat. Inisiatif daripada Kerajaan Negeri ini merupakan salah satu strategi di bawah teras Pembangunan Ekonomi, Belanjawan Johor 2024 yang dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd (PUJB). Majlis ini juga diadakan serentak di dua lokasi berbeza iaitu di daerah Johor Bahru dan Pontian.





LENSA





MPBP



Dry Run River Cruise

28 Mei 2024 • Lawatan Dry Run River Cruise telah diadakan dengan penglibatan 11 orang Ahli Majlis di bawah Jawatankuasa Pelancongan dan Alam Sekitar. Turut sama Tuan Setiausaha, Haji Abdul Karim bin Haji Bakar. Sesi taklimat ringkas telah disampaikan oleh Encik Muhammad Haniff berkenaan tujuan Dry Run River Cruise dijalankan iaitu untuk memberi gambaran potensi dan cadangan-cadangan yang akan dijalankan dalam masa terdekat bagi menarik pelancong ke Daerah Batu Pahat. Sesi lawatan bermula dari Jeti Kampung Muhibbah hingga ke Tanjung Semanik. Cadangan dan potensi river cruise ini dilihat sebagai persediaan awal dalam menyambut Tahun Melawat Johor 2026.



MPBP & ADTEC Batu Pahat

29 Mei 2024 • Program Johor Bersih CSR bersama pelajar-pelajar ADTEC Batu Pahat di Pantai Minyak Beku sempena Hari TVET Negara 2024.





Korban Kelompok Majlis Perbandaran Batu Pahat

20 Jun 2024 • Program korban kelompok anjuran Majlis Perbandaran Batu Pahat, Yayasan Makmur Batu Pahat, Rumah Orang Semerah, Anulae Cawangan Johor Barat, Kelab Bunga Tanjung MPBP dan Puspanita MPBP telah diadakan di Tapak Semaian Bahagian Landskap Majlis Perbandaran Batu Pahat. Sebanyak 5 ekor lembu yang berjaya dikumpulkan dari peserta-peserta termasuk dari anak-anak Wisma Anak Yatim Batu Pahat. Serahan sumbangan daging Korban kepada asnaf dan peserta-peserta E-Kasih turut diadakan.



Bengkel Pengurusan Strata Majlis Perbandaran Batu Pahat 2024

23 Jun 2024 • Bengkel Pengurusan Strata Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat Tahun 2024 telah diadakan di Aras 14 Menara MPBP dan dirasmikan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin, Yang Dipertua merangkap Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Bengkel anjuran Unit Pesuruhjaya Bangunan MPBP ini telah diadakan dengan anjuran bersama Bahagian Pengurusan Strata, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Seramai 60 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada badan pengurusan bangunan berstrata (pemaju/JMB/MC) dalam daerah Batu Pahat, wakil-wakil COB PBT dan agensi-agensi kerajaan Negeri Johor, serta pegawai-pegawai MPBP.

Pada bengkel itu terdapat 5 badan pengurusan yang telah menerima Anugerah Cemerlang 4 Bintang dalam Penilaian "Star Rating" Kualiti Pengurusan Tahun 2023.



Sejenak Di Bilik YDP



3 Januari 2024 • Pengerusi Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Fizikal UTHM, YBhg. Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday



4 Januari 2024 • Pengurus Cawangan Tabung Haji Batu Pahat, Haji Mohd Sharif bin Mahad.



17 Januari 2024 • Ketua Zon 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor, PgKB II Puan Siti Hajar binti Sanusi



14 Febuari 2024 • Pengurus Besar KPJ Batu Pahat, Encik Ahmad Adil Kamaruzaman



3 April 2024 • Pengarah SWCORP Negeri Johor, Encik Fitri bin Haji Ahmad



6 Jun 2024 • Kunjungan Setiausaha Kehormat BPFA, En. Iskandar bin Rahim mewakili Tuan Pegawai Daerah, Tuan Haji Zainor bin Adani

Perhimpunan Bulanan

Majlis Amanat Tahun Baharu 2024

1 Februari 2024 • Majlis Amanat Tahun Baharu Yang DiPertua Majlis Perbandaran dan Ikrar Integriti MPBP telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat Encik Ezahar bin Abu Sairin. Turut hadir sama Setiausaha MPBP Tuan Haji Abdul Karim bin Haji Bakar serta Ketua-ketua jabatan dan warga kerja MPBP.

Turut diumumkan anugerah pekerja contoh bulan November dan Disember 2023 serta majlis penyampaian hadiah pertandingan Cabaran Turun Berat Badan MPBP.



Majlis Khatam al-Quran

31 Mac 2024 • Majlis Khatam Al-Quran dan Perhimpunan Bulanan Mac 2024 serta Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat Pembantu Tadbir Kanan, Anugerah Pekerja Contoh Bulanan dan Majlis Sumbangan Ibu Tunggal MPBP. Program ini juga adalah program anjuran bersama Yayasan Makmur Batu Pahat, Anulae Cawangan Johor Barat dan Kelab Bunga Tanjung MPBP dan Pusanita MPBP.



6 Mei 2024 • Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan Mei telah diadakan di Menara MPBP. Majlis tersebut telah di sempurnakan oleh Encik Ezahar bin Abu Sairin Yang Dipertua MPBP. Turut hadir sama Encik Zaidi bin Japar Ketua Whip Ahli Majlis MPBP. Program diteruskan dengan penyampaian anugerah pekerja contoh bulanan bagi bulan Mac 2024, penyerahan surat kenaikan pangkat, sesi suai kenal pegawai baru, Pelancaran Kenderaan Penguatkuasa MPBP dan Penyerahan Hadiah Tempat Ketiga Pertandingan Explorace Hari Autisme Sedunia 2024 Daerah Muar kepada pasukan MPBP.

Lawatan Dan Kursus

Lawatan Majlis Perbandaran Jasin Ke Tapak Placemaking Zon Warisan Bandar Penggarum

18 Januari 2024 • MPBP telah menerima kunjungan daripada Majlis Perbandaran Jasin, yang diketuai oleh Tuan Rosemanizam bin Mohammed Nalif, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jasin. Kunjungan lawatan ini bertujuan untuk melihat placemaking kawasan zon warisan Bandar Penggarum di bawah Program Transformasi Zon Warisan Bandar Penggarum, Batu Pahat yang telah dilaksanakan oleh MPBP.



Lawatan MPBP Ke Bandar Gamuda Cove

23 Januari 2024 • MPBP telah mengadakan lawatan teknikal ke Bandar Gamuda Coves, Kuala Langat, Selangor. Lawatan ini bertujuan untuk mempelajari pembangunan perbandaran baharu yang dibangunkan oleh Gamuda Land Sdn. Bhd yang mengutamakan aspek rendah karbon, bandar pintar dan kemampanan sejajar dengan hasrat MPBP ke arah bandar pintar dan rendah karbon menjelang tahun 2030. Delegasi MPBP yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua, Encik Ezahar bin Abu Sairin ini telah disambut oleh Penolong Pengurus Kanan Gamuda Land Sdn. Bhd., Encik Ku Zamri Bin Ku Shaari.



Lawatan Penanda Aras Majlis Perbandaran Dungun

28 Januari 2024 • MPBP telah menerima kunjungan daripada Majlis Perbandaran Dungun, yang diketuai oleh Encik Mohd Afzanizam bin Sulaiman. Kunjungan lawatan ini bertujuan untuk mendengar taklimat dan mempelajari berkenaan pelaksanaan Bandar Pintar (Smartcity) yang telah dilaksanakan serta taklimat berkenaan pengumpulan data Murninets dan juga pelaksanaan transformasi pembangunan Zon Warisan di kawasan Majlis Perbandaran Batu Pahat.



Lawatan MPBP Ke Kesang River Cruise Tangkak

30 Januari 2024 • Lawatan ke Majlis Daerah Tangkak yang diketuai oleh Yang DiPertua, MPBP Encik Ezahar bin Abu Sairin bertujuan untuk melihat dan mendapatkan gambaran sebenar cadangan Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Pesisiran Sungai Batu Pahat iaitu menggunakan perkhidmatan pengangkutan air seperti 'River Cruise' dan 'River Taxi' sebagai tarikan semula jadi di Sungai Batu Pahat yang menyokong kepada eko pelancongan melalui pendekatan komuniti setempat. Tuan Yang DiPertua Majlis Daerah Tangkak, YM Ungku Mohd Zaffrin bin Ungku Mohd Zaman menyantuni lawatan ke lokasi.



Lawatan Majlis Bandaraya Johor Bahru

31 Januari 2024 • Lawatan dari majlis Bandaraya Johor Bahru oleh Encik Mohamad Khairul Anuar bin Esa, Pengarah Integriti dan Pemodenan Pentadbiran dan Encik Mohamad Haziq bin A. Rahman, Pegawai Undang-undang bagi memberi pendedahan dan perkongsian ilmu bagi memantapkan perkhidmatan Sumber Manusia dan Unit Integriti.



Lawatan Ke Majlis Daerah Yong Peng

25 Februari 2024 • Para pegawai dari MPBP telah hadir ke Majlis Daerah Yong Peng untuk sesi perkongsian ilmu dua hala berkenaan pengurusan dan pelaksanaan MS ISO 9001:2015 dan lain-lain aktiviti yang dilaksanakan.



Lawatan Majlis Bandaraya Pasir Gudang

28&29 Februari 2024 • Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah mengadakan lawatan teknikal Bahagian Landskap ke MPBP bagi mempelajari dan berkongsi informasi berkaitan pengurusan dan pembangunan landskap serta pengindahan bandar di MPBP. Lawatan diketuai oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Yang Berbahagia Dato' Asman Shah bin Abd. Rahman.



Kursus Audit Dalam Sistem Pengurusan MS ISO 9001:2015 MPBP 2024

16-18 Januari 2024 • Amverton Heritage Resort, Melaka



Kursus Pengenalan Horizon Baharu Inovatif Dan Kreatif (KIK) MPBP

8 & 9 Januari 2024 • Bilik Mesyuarat Zamrud MPBP



Kursus Pengukuhan Kerja Berpasukan Jabatan Teknikal MPBP, Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

21 – 23 Januari 2024 • 101 Resort & Spa, Janda Baik, Pahang



Kursus Pemandu Cemerlang Majlis Perbandaran Batu Pahat

13 – 14 Mei 2024 • Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14, Menara MPBP



Bengkel Pengurusan Strata Peringkat Majlis Perbandaran Batu Pahat

23 Jun 2024 • Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14, Menara MPBP



Kursus Pengukuhan Majlis Perbandaran Batu Pahat


28 – 29 Mei 2024 • Bilik Mesyuarat Delima, Aras 14, Menara MPBP



Sukan Dan Rekreasi

Explorace

28 April 2024 • TAHNIAH!!! Majlis Perbandaran Batu Pahat telah menyertai Explorace sempena Hari Autisme Sedunia peringkat daerah Muar di Dewan Jubli Intan Muar. MPBP telah menduduki tempat ke-3.



Kejohanan BMX Terbuka Malaysia Tahun 2024

18 Mei 2024 • Acara Kejohanan BMX Terbuka Malaysia Tahun 2024 anjuran Persatuan Guyup BMX Racing dengan 7erjasama Majlis Perbandaran Batu Pahat bersempena Tahun Melawat Johor 2026. Seramai 100 orang peserta telah menyertai pertandingan yang di bahagikan kepada 15 kategori. Majlis Perasmian Penutup telah dirasmikan oleh Tuan Setiausaha MPBP, Haji Abdul Karim bin Haji Bakar.



Bandar Penggaram Fun Run

25 Mei 2024 • Program "Bandar Penggaram Fun Run 2024" telah berjaya dilaksanakan dengan jarak sejauh lebih kurang +- 4.00 KM yang disertai oleh En Ezahar bin Abu Sairin Yang DiPertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Pelepasan program larian ini telah disempurnakan oleh En Zaidi bin Japar, Ketua Whip Majlis Perbandaran Batu Pahat, Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Norashidah Binti Abd Rahman, Timbalan Dekan Kokurikulum Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum.



Body Evo Run

29 Jun 2024 • Acara Body Evo Run bersama Shaheizy Sam & Syatilla Melvin serta Tuan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Encik Ezahar bin Abu Sairin. Ahli Parlimen Batu Pahat Yang Berhormat Tuan Haji Onn bin Abu Bakar turut hadir.



Gerak Mesra Ahli Majlis



Liga Pembangunan Bola Sepak

25 Januari 2024 • Gerak Mesra Zon 1
Ahli Majlis : Encik Amir Hamzah bin Mamon@ Mohamad
Tempat : Padang SMK Semerah, Pekan Semerah

Program Berkhatan Beramai-Ramai

15 Februari 2024 • Gerak Mesra Zon 12
Ahli Majlis : Puan Norhanim Binti Monadam
Tempat : Dewan Orang Ramai Parit Raja

Sambutan Tahun Baru Cina

24 Februari 2024 • Gerak Mesra Zon 18
Ahli Majlis : Encik Koh Yee Yong
Tempat : Perkarangan Jalan Suur Taman Bukit Mutiara

Program Berkhatan Beramai-Ramai

10 Februari 2024 • Gerak Mesra Zon 1
Ahli Majlis : Encik Amir Hamzah bin Mamon@ Mohamad
Tempat : Balai Islam, Pekan Semerah

Perangi Aedes

22 Februari 2024 • Gerak Mesra Zon 6
Ahli Majlis : Encik Ng Ceng Cuan
Tempat : Taman Tasik

Sambutan Tahun Baru Cina

01 Mac 2024 • Gerak Mesra Zon 18
Ahli Majlis : Encik Soh Thiam Hock
Tempat : Kompleks Niaga Taman Makmur

"Back To School"

08 Mac 2024 • Gerak Mesra Zon 8
Ahli Majlis : Puan Haryani Binti Sukarman
Tempat : Dewan Terbuka Taman Pelangi



Gerak Mesra

09 Mac 2024 • Gerak Mesra Zon 21
Ahli Majlis : Encik Yaman bin Basiran
Tempat : Pusat Komuniti Taman Bukit Flora

Program Perangi Aedes

22 Mei 2024 • Zon Sri Sulong
Ahli Majlis : Tuan Haji Hamdan Bin Ayub
Tempat : Taman Sri Sulong Jalan SS 15

Hari Usahawan Gemilang

09 Jun 2024 • Gerak Mesra Zon 1
Ahli Majlis : Encik Amir Hamzah bin Mamon@ Mohamad
Tempat : Perkarangan Blok Pejabat SMK Semerah

Program Gotong Royong Perangi Aedes

15 Jun 2024 • Gerak Mesra Zon 17
Ahli Majlis : Puan Hajah Haliza binti Abdullah
Tempat : Taman Murni Batu Pahat

'Belia Iom Ke Masjid' Dan Kursus Pengurusan Jenazah

23 Mac 2024 • Zon 2
Ahli Majlis : Encik Hamdan bin Ayub
Tempat : Surau Peserai Kecil

Cintai Alam Sekitar

25 MEI 2024 • Gerak Mesra Zon 18
Ahli Majlis : Encik Koh Yee Yong
Tempat : PPIA Taman Bukit Perdana

Gerak Mesra

09 Jun 2024 • Gerak Mesra Zon 4
Ahli Majlis : Encik Lim Sey Ken
Tempat : Kawasan Lapang Jalan Rughayah Utara

Karnival Haiwan Kesayangan

29 Jun 2024 • Gerak Mesra Zon 20
Ahli Majlis : Encik Ter Hwa Kwong
Tempat : Dewan Perniagaan Cina Batu

Yayasan Makmur Batu Pahat

Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina

4 Februari 2024 • Majlis penyerahan sumbangan Tahun Baru Cina Tahun 2024 Yayasan Makmur Batu Pahat telah diadakan di Dewan dengan 240 orang penerima. Majlis tersebut telah dirasmikan Yang Berhormat Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan; Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat yang juga ADUN Sri Medan. Turut hadir sama Encik Ezahar bin Abu Sairin; Timbalan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap Yang Dipertua MPBP.



Pertubuhan Ibu Tunggal Mekar Batu Pahat

29 Mac 2024 • Yayasan Makmur Batu Pahat telah memberi sumbangan kepada 320 orang ibu-ibu tunggal sekitar daerah Batu Pahat yang terdiri daripada ahli-ahli Pertubuhan Ibu Tunggal Mekar Batu Pahat. Sumbangan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Zulkurnain Kamisan, Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap ADUN Sri Medan. Semoga dengan sumbangan ini sedikit sebanyak memberi kegembiraan kepada mereka untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.



Bubur Lambuk Ramadhan 2024

3 April 2024 • Yayasan Makmur Batu Pahat dengan Kerjasama Southern Volunteers Batu Pahat telah mengadakan program memasak bubur lambuk bertempat di Dewan Jubli Intan Batu Pahat. Sebanyak 2 periuk di sediakan untuk diagihkan kepada orang Ramai.



Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri

3 April 2024 • Majlis sumbangan Hari Raya Aidilfitri tahun 2024 Yayasan Makmur Batu Pahat kepada 300 orang penerima telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Batu Pahat. Majlis perasmian telah di sempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Zulkurnain bin haji Kamisan, Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap ADUN Sri Medan. Turut hadir sama Encik Ezahar bin Abu Sairin Timbalan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap Yang Dipertua Majlis Perbandaran Batu Pahat. Semoga dengan adanya sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban dan menceriakan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.



Sumbangan Mangsa Ribut

4 April 2024 • Majlis penyerahan sumbangan kepada 21 ketua keluarga mangsa ribut di dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Puan Nor Rashidah bin Haji Ramli; Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Makmur Batu Pahat (ALPA) merangkap ADUN Kawasan Parit Raja.




Sumbangan Kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

4 April 2024 • Majlis penyerahan sumbangan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Batu Pahat telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap ADUN Sri Medan.



Program Ziarah Kasih

28 Mei 2024 • Program Ziarah Kasih Yayasan Makmur di Wad 6 dan Wad 5B Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat. Program ziarah kali ini disertai oleh Yang Berhormat Dato' Zulkurnain bin Haji Kamisan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat merangkap ADUN Sri Medan, Pegawai-pegawai Yayasan Makmur Batu Pahat dan Southern Volunteers Batu Pahat



Program Trail Run Bukit Payong

29 Mei 2024 • Program Trail Run Bukit Payong 2024 telah diadakan di Kampung Kangkar Merlimau Parit Sulong. Majlis pelepasan larian tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat Yang Berhormat Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan yang juga ADUN Sri Medan. Turut hadir sama Ahli Perlimen Sri Gading Yang Berhormat Tuan Haji Aminulhuda bin Hassan. Peserta-peserta terdiri daripada pelbagai peringkat usia dan bangsa dengan 3 kategori larian iaitu larian 3 kilometer, 10 kilometer dan 20 kilometer.



"Jom BeePEe" Pandu Cermat, Jiwa Selamat~

30 Jun 2024 • Diadakan di perkarangan Pusat Pembangunan Belia Johor, Daerah Batu Pahat. Dirasmikan oleh YB Dato' Hj Zulkurnain Kamisan Pengerusi Yayasan Makmur Batu Pahat, merangkap Adun Sri Medan.

